



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN DAN
MAJLIS SANTUNAN MESRA AIDILFITRI
YB MENTERIDI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

23 APRIL 2024 (SELASA)

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)

Terima kasih saudari/saudara pengacara majlis. Assalamualaikum

W.B.T. dan Salam Malaysia MADANI

SALUTASI

- 1. YB Tuan M.Kulasegaran A/L V.Murugeson
Timbalan Menteri Undang-Undang dan Reformasi Institusi**
- 2. YBrs. Tuan Zamri bin Misman
Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
(BHEUU)**
- 3. YBhg. Dato' Norazmi bin Mohd Narawi
Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman (JBG)**
- 4. YBrs. Tuan M. Bakri bin Abd Majid
Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl)**
- 5. YA Puan Yong Zarida binti Sazali
Pengerusi Lembaga Penasihat (LP)**
- 6. YBrs. Tuan Khairul Anwar bin Zakaria @ Abdul
Hamid
Ketua Pengarah Bahagian Perlindungan (BP)**
- 7. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal Pesuruhjaya
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia(SUHAKAM)**
- 8. YBrs. Puan Noramilia bin Mohd Saad
Pengurus Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)**
- 9. YBrs. Tuan Harith Sham bin Mohamed Yasin
Timbalan Ketua Pengarah Institut Latihan Kehakiman dan
Perundangan (ILKAP)**

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Kanan

Rakan-Rakan media

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Datuk-Datuk, Tuan/Puan ketua-ketua Jabatan serta warga BHEUU yang saya kasihi.

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan BHEUU dan Majlis Santunan Mesra Aidilfitri peringkat BHEUU sebentar nanti.
2. Di kesempatan ini juga, belum terlambat rasanya untuk saya ambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga BHEUU dan Jabatan serta agensi di bawahnya.
3. Saya juga merasa amat gembira dengan kehadiran semua pengurusan tertinggi daripada semua jabatan dan agensi di bawah seliaan BHEUU yang kelihatan begitu ceria berbaju melayu dan pakaian tradisional bagi memeriahkan lagi sambutan Aidilfitri peringkat BHEUU pada hari ini.

Saudara-saudari hadirin yang saya hormati,

4. Izinkan saya untuk imbas kembali beberapa pencapaian yang telah berjaya kita laksanakan selaku Jabatan yang

dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan agenda reformasi perundangan dan institusi. Antaranya termasuklah pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) dan pindaan yang telah diluluskan pada sidang Parlimen yang baru sahaja berlalu termasuk RUU Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 yang akan bertindak sebagai Perisai atau 'Shield' bagi melindungi kekebalan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat daripada tindakan mana-mana pihak yang berniat jahat pada masa akan datang.

5. Selain itu, RUU Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (Pindaan) 2023 yang turut diluluskan juga dapat dilihat sebagai komitmen jelas Kerajaan Madani ke arah usaha memperkasakan peranan dan fungsi SUHAKAM sebagai sebuah institusi hak asasi negara yang lebih efektif dan disegani. Saya yakin dengan pindaan ini, ekosistem pemeliharaan hak asasi manusia di Malaysia akan bertambah baik selaras dengan standard dan piaiwaian antarabangsa.

6. Turut diluluskan pada sidang Parlimen yang lalu ialah RUU Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 yang bertujuan untuk menambah baik peruntukan Akta 621 dalam memberikan bantuan bersama dalam perkara jenayah antara Malaysia dengan negara lain. Ini adalah bagi memastikan rejim bantuan bersama dalam perkara jenayah di Malaysia adalah sejajar dengan undang-undang dan amalan antarabangsa.

7. Sebagai Kerajaan yang 'Walk the Talk', BHEUU, JPM sentiasa memastikan segala agenda reformasi yang kita rancang berada pada landasan yang tepat, misalnya, kita telah memulakan langkah pertama bagi inisiatif kajian empirikal pengasingan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya dengan mengadakan mesyuarat yang dihadiri oleh pihak-pihak berkaitan termasuk ahli-ahli Parlimen daripada kedua-dua blok kerajaan dan pembangkang. Inisiatif ini akan dilaksanakan secara berfasa selama dua (2) tahun melalui kajian empirikal di tiga buah negara iaitu Kanada, Australia dan United Kingdom.

8. Menyentuh aspek Institusi Perundangan pula, dalam usaha penstrukturan semula Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) (AIAC), YBhg. Datuk Ahmad Terrirudin Bin Mohd Salleh, Peguam Negara telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah AIAC dengan YBhg. Datuk Shireen Ann Zaharah Muhiudeen sebagai Timbalan Pengerusi pada 4 April 2024 yang lalu. Lembaga Pengarah AIAC ini turut dianggotai oleh YBrs. Tuan Zamri Bin Misman, Ketua Pengarah BHEUU bersama-sama dengan beberapa orang pakar perundangan dan timbang tara termasuk YBhg. Datuk Philip Chan Hon Keong; Encik Stephen Fietta KC; dan Encik Andrea Carlevaris.

9. Selain daripada itu, satu bab baharu dalam Akta Timbang Tara 2005 akan diperkenalkan berkaitan Pembiayaan Litigasi Pihak Ketiga; sejajar dengan konsensus antara Kerajaan Malaysia dan Kesatuan Eropah (EU) bahawa pengawalseliaan pembiayaan pihak ketiga (TPF) menuntut perhatian yang lebih serius. Bagi

tujuan itu, sebuah rangka kerja kawal selia yang adil dan telus akan diwujudkan. Selepas pindaan kepada Akta tersebut, sebuah Mahkamah Timbang Tara AIAC yang baharu akan ditubuhkan sebagai sebahagian daripada proses penstrukturan semula ini.

10. Inisiatif hala tuju dan penambahbaikan struktur pentadbiran AIAC ini menekankan aspek tata kelola baik dan mekanisme semak dan imbang selaras dengan matlamat Kerajaan MADANI yang komited untuk mengangkat kedudukan negara dalam bidang penyelesaian pertikaian alternatif di persada antarabangsa sekaligus mempromosikan Malaysia sebagai tempat penyelesaian timbang tara pilihan utama (*preferred seat of arbitration*).

Warga BHEUU sekalian,

11. Saya ingin menegaskan bahawa reformasi institusi dan perundangan tidak hanya terhad kepada apa yang kita laksanakan sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal undang-undang sahaja, sebaliknya, agenda ini membabitkan semua pihak dalam Kerajaan Madani. Justeru itu, saya telah menggariskan halatuju agenda reformasi bagi tahun 2024 dan tahun-tahun akan datang iaitu melalui jalinan kerjasama strategik dengan semua pihak berkepentingan bagi memastikan impak reform yang lebih menyeluruh dapat dicapai dan faedahnya dirasai secara langsung oleh rakyat.
12. Dalam hal ini, saya amat gembira dengan beberapa sinergi kerjasama yang telah dan sedang kita laksanakan setakat ini

termasuk:

- i. Kerjasama di antara BHEUU dengan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dalam penganjuran Kolokium Reformasi Perundangan dan Pengurusan Mahkamah Perusahaan Malaysia yang telah diadakan pada 28 Febuari 2024;
- ii. BHEUU dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual dengan kerjasama Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat, SUHAKAM dan Polis Diraja Malaysia pada 16 Mac 2024 yang lalu; dan
- iii. BHEUU, Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital merupakan pengerusi bersama bagi Jawatankuasa Kerja Cadangan Penggubalan Undang-Undang Baharu berkaitan dengan Kemudaratan Jenayah Dalam Talian dalam usaha merangka satu Akta baharu yang merangkumi peruntukan berhubung tatacara dan penguatkuasaan 'kill switch' bagi meningkatkan keselamatan digital.
- iv. Kerjasama dalam masa terdekat ini ialah di antara BHEUU dengan SUHAKAM dan UNICEF bagi penganjuran Simposium Antarabangsa berkaitan pemerkasaan Pesuruhjaya Kanak-Kanak yang akan diadakan pada 29 dan 30 April kelak di Kuala Lumpur.

13. Melangkah ke hadapan, fokus kita akan terarah kepada penggubalan undang-undang yang bersifat holistik dan seiring dengan perkembangan teknologi serta amalan terbaik antarabangsa yang akhirnya akan membawa manfaat kepada kesejahteraan rakyat dan Negara. Antaranya termasuk Undang-Undang Perkhidmatan Parlimen, Ombudsman Malaysia, dan Keselamatan Digital yang dijangka akan dibentangkan dalam sidang Parlimen akan datang pada bulan Jun ini insyallah.
14. Sebagai makluman dan perkembangan terkini bagi Kes Sulu, Mahkamah Agung Perancis telah menetapkan 28 Mei 2024 sebagai tarikh pendengaran bagi prosiding ini, di mana pendengaran akan dibuat di hadapan 9 orang panel hakim. Keputusan pendengaran tersebut adalah dijangka akan dikeluarkan oleh Mahkamah Agung Perancis sebelum bulan Julai 2024. Saya yakin dengan komitmen utuh, segala daya usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Madani dalam mempertahankan kedaulatan negara dan dengan doa rakyat Malaysia, insyallah saya percaya keputusan itu akan sekali lagi memihak kepada kita

Hadirin sekalian,

15. Di kesempatan ini juga, saya amat berbesar hati untuk berkongsi dan seterusnya melancarkan **Pelan Strategik Jabatan Bantuan Guaman 2024 – 2028** yang menetapkan visi dan misi Jabatan selari dengan aspirasi Kerajaan Madani yang komited untuk

membela nasib rakyat yang sukar mendapatkan akses kepada keadilan berteraskan kepada Nilai Ihsan dalam kerangka Dasar MADANI. Pelan ini menggariskan tiga (3) teras strategik utama dan sepuluh (10) strategi bagi mencapai objektif JBG iaitu:

16. Untuk permulaan, bagi menterjemahkan Pelan Strategik ini kepada pelaksanaan program yang bermanfaat kepada rakyat, beberapa usaha penambahbaikan telah dirangka di bawah Teras Strategik Pertama, iaitu Program *Justice on Wheels* (JOW) dan Gerbang iGuaman:-

I. Program *Justice on Wheels* (JOW)

Program ini bertujuan memberi khidmat nasihat secara 'mobile' kepada orang ramai yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman seluruh Malaysia.

II. Gerbang iGuaman

Inisiatif pendigitalan JBG yang berperanan sebagai *one stop centre* bagi memudahkan orang awam mengakses perkhidmatan dalam talian yang disediakan JBG seperti:

(a) Sistem Permohonan Latihan Industri

(b) Sistem eKhidmat Nasihat – Knowledge-based Chatbot.

17. Sebagai penutup, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih atas jasa bakti dan komitmen anda semua menjayakan segala tugas serta agenda Kerajaan Madani khususnya dalam agenda reformasi perundangan dan

institusi. Mari kita bersama kekalkan kecemerlangan ini dan berazam untuk meningkatkan lagi pencapaian untuk keseluruhan tahun 2024 ini.

18. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Pelan Strategik Jabatan Bantuan Guaman 2024 – 2028, Program *Justice On Wheels*, dan Gerbang iGuaman.

Sekian, terima kasih.